

06 FEB 1997

Mahathir-Bayi

PM NAMAKAN BAYI SEBAGAI MAHATHIR

ALOR SETAR, 6 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Hospital Jitra hari ini, menamakan seorang bayi lelaki yang baru dilahirkan malam tadi sempena dengan nama beliau.

Mahathir begitulah nama yang diberikan kepada anak kedua pasangan Rashidah Hamid, 29, dan Azizan yang berasal dari Kampung Kangar, Changlun.

Rashidah berkata beliau sangat gembira kerana Perdana Menteri sudi menamakan nama beliau kepada anaknya.

"Pada mulanya saya merancang hendak menyerahkan kepada suami untuk memberikan nama anak itu, tetapi apabila Dr Mahathir mengunjungi saya terfikir untuk meminta beliau menamakan bayi itu," katanya.

Pada lawatan selama sejam itu, Dr Mahathir bersama-sama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali menyampaikan 37 hamper kepada ibu-ibu di wad bersalin.

Dr Mahathir kemudian berkunjung ke Pekan Rabu untuk beramah mesra dengan para peniaga di situ.

Dalam kunjungan itu beliau turut membeli kuih tradisional dan sebiji nangka madu seberat 20 kg yang berharga RM80.

Malam ini Perdana Menteri akan menghadiri majlis berbuka puasa bersama-sama penduduk dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu di Masjid Kepala Batas. -- BERNAMA

MZM MFJ AKD